

UTUSAN MALAYSIA
21 September 2006
28 Syaaban 1427

Guna tanah wakaf jana ekonomi Melayu Pulau Pinang

Oleh: IZHAM YUSOFF

BAGAIKAN tiada kesudahan. Begitulah nasib Melayu Pulau Pinang yang terus terpinggir. Sudah lebih 30 tahun lalu, isu dan permasalahan sama dikaitkan dengan orang Melayu negeri itu, satu realiti yang cukup pahit untuk ditelan. Pelbagai cadangan dan kajian telah dibuat, namun permasalahan Melayu Pulau Pinang tetap di takuk sama.

Polemik kepentingan Melayu di Pulau Pinang berkisar di sekitar fenomena penghijrahan beramai-ramai orang Melayu ke Seberang Prai untuk mencari kehidupan yang lebih selesa lantaran persekitaran ekonomi dan sosial yang mencabar. Mana tidaknya, kos sara hidup di Pulau Mutiara agak tinggi dan kos pemilikan premis kediaman dan perniagaan semakin hari semakin menjauh dari jangkauan orang Melayu.

Bagi mereka yang tidak sanggup terus- menerus hidup sebegini, jawapannya agak mudah. Jual saja tanah dan rumah yang tak seberapa untuk digantikan dengan rumah banglo di Seberang Prai, Kulim, mahupun Sungai Petani. Lama-kelamaan masalah ekonomi dan sosial ini bakal membuahkan masalah politik. Kalau penghijrahan ini berterusan makin tipislah kekuatan politik Melayu di Pulau Pinang.

Maka berulang kali juga berlaku episod menuding jari - mencari sasaran kecaman, kerana lumrah manusia memang payah untuk mengakui kelemahan diri atau melihat dalam diri 'apa sebenar silapnya'.

Jika sebelum ini ada yang menyalahkan pemimpin Melayu negeri itu sendiri yang didakwa tidak mengambil berat untung nasib kaum sendiri, terkini pucuk kepemimpinan negeri itu pula menjadi sasaran, sehingga kenyataan demi kenyataan dikeluarkan oleh Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, bahawa beliau adalah Ketua Menteri untuk semua kaum.

Tidak kurang juga yang menganggap Melayu terlalu mengharap bantuan kerajaan, tanpa mahu bekerja keras untuk memajukan diri - telahan yang memang tidak sedap untuk halwa telinga kita mendengarnya.

Jika berterusan satu pihak menyalahkan pihak yang lain, sedang kita sendiri enggan melakukan muhasabah diri, permasalahan Melayu Pulau Pinang pasti tiada penghujungnya. Selamanya, tanpa titik noktah, kita akan terus berhadapan permasalahan sama.

Di sini penulis ingin mengajak orang Melayu Pulau Pinang untuk sama-sama melihat dalam diri, dalam bangsa dan dalam kelompok masyarakat Melayu itu sendiri. Apa sebenarnya yang kita ada? Apa sebenarnya kelebihan kita?

Orang Melayu sebenarnya 'kaya' dengan tanah wakaf yang boleh dijadikan modal untuk memperkasakan ekonomi bangsanya termasuklah di Pulau Pinang.

Pucuk kepimpinan negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri pernah menegur bahawa antara perkara yang sering timbul dalam memperkatakan isu Melayu Pulau Pinang ialah pembangunan tanah wakaf yang masih tidak dapat direalisasikan dengan jayanya.

Tanah wakaf bernilai tinggi dan boleh digunakan untuk pembangunan yang mendatangkan hasil ekonomi lebih baik. Di sinilah sebenarnya kekuatan Melayu yang belum digembleng sepenuhnya ke arah merubah nasib anak bangsa sendiri.

Sebenarnya orang Melayu Pulau Pinang tidak terpinggir, kalau kita sendiri sanggup mengoptimumkan penggunaan tanah wakaf. Tanah wakaf adalah modal kita, nadi kekuatan ekonomi Melayu, yang sebelum ini kita sendiri mungkin tidak nampak.

Agak menyedihkan apabila Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), Mohd Zakri Hussin, mendedahkan betapa pembangunan wakaf di negara ini masih jauh terkebelakang dan Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 diharap dapat mencari pendekatan sesuai bagi membincangkan tindakan yang hendak dilaksanakan dalam usaha memartabatkan harta wakaf.

Mengapa tidak kita manfaatkan tanah wakaf untuk menjana pertumbuhan ekonomi orang Melayu, untuk mencipta kekayaan Melayu dan untuk menjamin masa depan bangsa Melayu?

Pernahkah kita terfikir untuk membangunkan tanah wakaf dalam bentuk yang boleh membantu mengupayakan kalangan orang Melayu yang masih berasa terpinggir di bumi sendiri?

Apakah kerana kita tidak nampak nilai sebenar tanah wakaf itu dan masih terhimpit dalam kepompong pemikiran sempit yang menganggap tanah wakaf hanya untuk tapak surau, masjid dan kubur saja? Pernahkah kita terfikir betapa untungnya jika kita dapat membangunkan tanah wakaf bagi tujuan menjana ekonomi orang Melayu?

Di Pulau Pinang sendiri terdapat banyak tanah wakaf termasuk di kawasan Georgetown yang nilainya paling tinggi. Jika memanfaatkan tanah wakaf dijadikan pilihan, pasti orang Melayu yang akan mendapat faedah daripadanya.

Tanah wakaf boleh dibangunkan untuk mencipta peluang bagi orang Melayu untuk terus mendiami dan berniaga di Pulau Pinang pada kadar yang berpatutan. Di samping itu, pembangunan tanah wakaf akan memberikan ruang yang luas untuk melibatkan syarikat

pembinaan dan syarikat pemaju hartanah Melayu tempatan. Semua permasalahan dapat ditangani sekali gus.

Mencari kesalahan orang lain perlu kita ketepikan, sebaliknya kita harus memanfaatkan apa yang ada di depan mata kita. Kalau tanah wakaf kita bangun secara sistematik dan berkesan, permasalahan Melayu bukan saja di Pulau Pinang, malah di negeri lain juga akan dapat kita tangani. Maka cerita mengenai orang Melayu Pulau Pinang makin lama makin jadi seperti orang Melayu Singapura, tidak lagi akan menyakitkan telinga kita.

Pembangunan tanah wakaf untuk kediaman dan premis perniagaan mampu mengatasi masalah sosial, politik dan ekonomi orang Melayu secara sekali gus. Hakikatnya, tanah wakaf adalah aset sebenar orang Melayu yang perlu digembleng sepenuhnya.

Dari sini juga kita akan dapat membangunkan ekonomi Melayu menggunakan kekuatan yang ada pada orang Melayu sendiri, bukan mengharapkan bantuan atau simpati orang lain. Dengan mengoptimumkan penggunaan tanah wakaf, aset kita, kekuatan kita, kita mampu menangani permasalahan Melayu.

Tanah wakaf adalah kekuatan ekonomi yang harus kita manfaatkan untuk mencipta kekayaan Melayu untuk orang Melayu, demi nasib dan masa depan orang Melayu.

Kebetulan perkara berkaitan tanah dalam bidang kuasa pemimpin Melayu di Pulau Pinang. Ini kerana Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, adalah Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Hal Ehwal Pembangunan Tanah serta Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi.

Mungkin kita boleh menilai kekuatan ini dan memanfaatkannya dalam usaha merealisasikan saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu melihat kuasa eksekutif Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang disandang oleh orang Melayu diperkasakan.

Kalaulah ketiadaan modal menjadi kekangan untuk membangunkan tanah wakaf berikutan Majlis Agama Islam Negeri menjadi pemegang amanah tunggal harta wakaf, maka perlu dicari jalan keluar untuk menanganinya kerana di sini mungkin pihak kerajaan, swasta dan korporat Melayu yang sudah berjaya boleh memainkan peranan bagi membantu anak bangsa sendiri. Mungkin juga boleh diwujudkan perkongsian modal menerusi perkongsian pintar.

Di seluruh negara terdapat 32,000 hektar tanah wakaf berselerak di bandar dan luar bandar. Negeri yang paling banyak harta wakaf dari segi keluasan tanah ialah Johor, tetapi dari segi nilai paling tinggi di Pulau Pinang, termasuk yang terdapat di tengah bandar Georgetown.

Semua pihak harus menyambut baik penyelesaian Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah memperuntukkan RM250 juta bagi membangunkan tanah wakaf di seluruh negara.

Mungkin pelan tindakan yang sedang dirancang oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, untuk membantu pembangunan ekonomi Melayu di Pulau Pinang dapat mengambil kira peranan harta wakaf sebagai salah satu pemangkin ke arah memantapkan tahap ekonomi, sosial dan politik Melayu di Pulau Mutiara.

- PENULIS ialah Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad